KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 1 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **ONGOING REPRODUCTIVE, SOCIAL HEALTH EDUCATION NECESSARY** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/31/ongoing-reproductive-and-social-health-ed-necessary | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **A TRULY HAPPY FAMILY IS A HEALTHY FAMILY** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/31/a-truly-happy-family-is-a-healthy-family | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **A GROWING NEED FOR SEX ED** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/31/a-growing-need-for-sex-ed | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **20,000 KANAK-KANAK TERJEBAK JENAYAH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/20000-kanak-kanak-terjebak-jenayah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **'TEKAN TINGKAT TIGA, SAMPAI KE ARAS 17'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/993761/tekan-tingkat-tiga-sampai-ke-aras-17 | HMETRO.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **LELAKI WARGA EMAS MAUT MOTOSIKAL DILANGGAR TRAK PIKAP** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/lelaki-warga-emas-maut-motosikal-dilanggar-trak-pikap/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-motosikal-terbakar-dalam-nahas-di-mukah-430580 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271120/berita/semasa/warga-emas-maut-motosikal-terbakar-dalam-kemalangan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **WARGA EMAS MAUT, MOTOSIKAL REMPUH TRELER** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-motosikal-rempuh-treler/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **RUU SURUHANJAYA KANAK-KANAK DIBENTANG DI PARLIMEN OKTOBER INI - AZALINA** | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2211634 | BERNAMA.COM |
| | https://umno-online.my/2023/07/31/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-di-parlimen-oktober-ini-azalina/ | UMNO-ONLINE.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ruu-suruhanjaya-kanakkanak-dibentang-di-parlimen-oktober-ini-azalina-430610 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/azalina-ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-di-parlimen-oktober-ini-FD11306452 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/202969/malaysia/national/bill-on-establishment-of-childrens-commission-to-be-tabled-in-parliament-in-october---azalina | SINARDAILY.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/994017/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-dibentang-oktober-ini | HMETRO.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **#HEALTH: MONITORING A CHILD'S GROWTH AND DEVELOPMENT** | |
| | https://www.nst.com.my/lifestyle/heal/2023/07/936975/health-monitoring-childs-growth-and-development | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BERITA BUNUH DIRI PERLU DILAPOR SECARA BERHEMAH, KATA TIMBALAN MENTERI** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/454877 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **GADIS OKU KECEWA IMPIAN KE MENARA GADING 'TERPADAM'...** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993980/gadis-oku-kecewa-impian-ke-menara-gading-terpadam | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=M-RLDgyom_I | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=clxGyglpmF8 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **MAN JAILED OVER FAKE MYKAD** | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/07/937057/man-jailed-over-fake-mykad | NST.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **YAKEB PANTAU SITUASI KENNETH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/994037/yakeb-pantau-situasi-kenneth | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/hannah-yakeb-salur-bantuan-kepada-kenneth-CD11307423 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/07/1134107/kenneth-temu-pakar-neurologi-jumaat-ini | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **LELAKI CABUL WANITA DI LRT MALURI DAH DIKENAL PASTI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/994039/lelaki-cabul-wanita-di-lrt-maluri-dah-dikenal-pasti | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/lelaki-cabul-wanita-di-lrt-taman-maluri-dikenal-pasti/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/lelaki-peluk-wanita-di-lrt-maluri-berada-di-hkl/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PEMPENGARUH WANITA MAKI HAMUN POLIS AKHIRNYA DITAHAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/pempengaruh-wanita-maki-hamun-polis-akhirnya-ditahan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **SUAMI ISTERI BERSALAH BUNUH WANITA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1134063/suami-isteri-bersalah-bunuh-wanita | BHARIAN.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **HRV TERBAKAR, WANITA CARI RAKAMAN DASHCAM** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hrv-terbakar-wanita-cari-rakaman-dashcam-430619 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271149/berita/hrv-terbakar-wanita-cari-rakaman-dashcam | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA BUAT LAPORAN PALSU JADI MANGSA RAGUT DITAHAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/wanita-buat-laporan-palsu-ditahan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271047/berita/semasa/wanita-ditahan-buat-laporan-palsu | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/31/wanita-ditahan-padah-buat-laporan-palsu/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KURANG HAKIM PUNCA KES JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK LAMBAT SELESAI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271148/edisi/melaka-ns/kurang-hakim-punca-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-lambat-selesai | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WABAK BATUK KOKOL LIBAT 4 SEKELUARGA TERMASUK BAYI DI ALOR GAJAH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271133/edisi/melaka-ns/wabak-batuk-kokol-libat-4-sekeluarga-termasuk-bayi-di-alor-gajah | SINARHARIAN.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **ADA UNSUR DERA PADA BUDAK DITEMUI MATI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993858/ada-unsur-dera-pada-budak-ditemui-mati | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1133881/teman-lelaki-ibu-kandung-ditahan-susulan-kesan-dera-pada-mayat-budak | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271090/berita/semasa/ibu-teman-lelaki-ditahan-kes-kematian-kanak-kanak-9-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-9-tahun-mati-dipercayai-akibat-didera/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/07/kanak-kanak-lelaki-9-tahun-disyaki-mati-didera/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1AX4LAf61Ic | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-kanakkanak-9-tahun-maut-ada-unsur-dera-ibu-teman-lelaki-ditahan-430560 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/kanak-kanak-9-tahun-mati-mengejut/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/kanak-kanak-lelaki-9-tahun-disyaki-mati-didera/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993768/kanak-kanak-maut-polis-siasat-punca-kematian | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/271056/berita/semasa/kanak-kanak-9-tahun-ditemui-mati-dipercayai-didera | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/31/kanak-kanak-lelaki-mati-mengejut-disiasat/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **NURUL IZZAH JUMPA ‘KEMBAR’ OKU, MINTA JAHITKAN BAJU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/31/nurul-izzah-jumpa-kembar-oku-minta-jahitkan-baju/ | KOSMO.COM.MY |

1/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **OKU MERINGKUK DI PENJARA GAGAL BAYAR JAMINAN TUDUHAN AMANG SEKSUAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/993916/oku-meringkuk-di-penjara-gagal-bayar-jaminan-tuduhan-amang-seksual | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **TIGA USAHAWAN OKU FIZIKAL DINOBATKAN SEBAGAI PEMENANG DALAM PROGRAM SAY** | |
| | https://suaramerdeka.com.my/tiga-usahawan-oku-fizikal-dinobatkan-sebagai-pemenang-dalam-program-say/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **DUA LELAKI BUNUH WANITA WARGA EMAS DIHUKUM MATI** | |
| | https://suarasarawak.my/dua-lelaki-bunuh-wanita-warga-emas-dihukum-mati/ | SUARASARAWAK.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KES BUDAK 9 TAHUN MAUT ADA UNSUR PENDERAAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kes budak 9 tahun maut ada unsur penderaan

## Teman lelaki, ibu mangsa ditahan bantu siasatan

**Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi**
bhnews@bh.com.my



*Seorang budak lelaki ditemukan meninggal di sebuah rumah di Taman Panglima, Assam Kumbang, Taiping pagi kelmarin.*
(Foto BERNAMA)

**Taiping:** Polis menemui kesan penderaan pada kanak-kanak lelaki yang ditemui mati di sebuah rumah di Assam Kumbang, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid, berkata susulan penemuan pihak forensik itu, ibu mangsa yang berusia 36 tahun serta rakan lelakinya yang berusia 30-an, ditahan bagi membantu siasatan.

"Laporan forensik PDRM mendapati ada unsur penderaan kepada si mati. Pihak polis percaya kes penderaan itu berlaku sejak Mac lalu.

"Ibu kanak-kanak itu mengalami masalah rumah tangga dan dalam proses perceraian dengan suaminya," katanya dalam satu kenyataan.

### Pasangan kena reman

Razlam berkata, siasatan masih diteruskan dan pasangan itu ditahan reman di Mahkamah Taiping, semalam untuk siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kelmarin, media melaporkan seorang budak lelaki berusia sembilan tahun ditemukan meninggal dunia di sebuah rumah di Taman Panglima, Assam Kumbang, di sini, pagi kelmarin.

Polis menerima maklumat kematian kanak-kanak itu pada jam 11 pagi.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MENGAKU TAK BERSALAH ROGOL, LIWAT DALAM KEBUN SAWIT | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Mengaku tak bersalah rogol, liwat dalam kebun sawit

**Muar:** Seorang pekerja restoran makanan segera didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan merogol, meliwat dan melakukan amang seksual terhadap seorang kenalan bawah umur dalam kebun sawit di Bakri sejak, Mac lalu.

Zulhazreen Shah Zulkufli, 22, yang berhadapan tujuh pertuduhan bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, ketiga dan kelima, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap kenalannya berusia 15 tahun di kebun sawit sejak Mac, Mei dan Jun, jam 1 pagi.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, hukuman penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.

Bagi pertuduhan kedua, keempat dan keenam, dia juga didakwa merogol mangsa dengan semua kejadian serta masa berlaku di tempat sama.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pertuduhan ketujuh pula, tertuduh juga didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan kerana meliwat mangsa pada bulan lalu. Dia boleh dikenakan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan sebelum ini, tertuduh dari Negeri Sembilan menunggang motosikal ke rumah mangsa dekat Bakri dipercayai untuk melakukan perbuatan itu.

Kejadian itu terbongkar selepas abang mangsa melihat adiknya sentiasa berkurung dalam bilik sebelum bertanyakan perkara sebenar.

Susulan itu, satu laporan polis dibuat keluarga mangsa mengenai kejadian ini minggu lalu.

Sementara itu, mahkamah membenarkan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM25,000 daripada seorang penjamin bagi semua pertuduhan, namun dia gagal membayarnya.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 26 September tarikh sebutan semula kes serta serahan dokumen.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STEP TITIK MULA ANA NAJIA CIPTA KEJAYAAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# STeP titik mula Ana Najia cipta kejayaan

## Gagal cari kerja, pemilik kafe Halwa by Ana Najia guna bakat buka bakeri

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

2030 PERAK SEJAHTERA

**Taiping:** "Saya 'menapak' dari bawah memulakan guna simpanan sendiri, jika tiada pendedahan dari STeP mungkin sukar untuk saya berada pada tahap hari ini," kata pemilik kafe Halwa by Ana Najia, Ana Najia Sharin, 28.

Mengakui tiada pengetahuan mengenai pembiayaan perniagaan, Ana Najia berkata, Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) yang juga antara agensi peneraju dalam mencapai agenda pelan Perak Sejahtera 2030 banyak membantu memudahkan usahawan kecil yang baru menapak sepertinya.

"Personaliti saya yang pendiam menyebabkan saya tidak bergaul dengan usahawan lain bagi mendapatkan ilmu.

"Hanya selepas menyertai program STeP baru saya tahu, banyak bantuan yang agensi kerajaan berikan kepada usahawan. Daripada situ saya terus cuba berkenalan dengan seramai mungkin usahawan agar boleh mengikut jejak langkah mereka.

"Saya turut berpeluang mendapat ruang pemasaran secara percuma apabila ditawarkan membuka reruai tanpa dikenakan bayaran dalam pelbagai program keusahawanan anjuran STeP," katanya kepada *BH*.

Ana Najia berkata, dia kini dalam perancangan memohon bantuan pembiayaan bagi menambah serta menaik taraf peralatan dan kelengkapan di kafe.

Bercerita bagaimana dia mula terbabit dalam perniagaan bakeri, Ana Najia berkata pada awalnya pembabitannya dalam perniagaan hanya sekadar mencari duit saku untuk mengisi cuti semester kerana sudah menjadi minat dan hobinya membuat pelbagai jenis kek secara kecil-kecilan.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris dari Universiti Malaya itu berkata, selepas melihat keknya mendapat sambutan menggalakkan dia kemudian mencuba nasib membina legasi perniagaan berasaskan bakeri dan kafe.

### Guna modal sendiri

Selepas beberapa kali gagal temu duga mencari kerja, dia enggan mengalah dan nekad membuka kafe di Jalan Istana Larut, di sini pada 2020 berkonsepkan studio bakeri dengan menggunakan modal sendiri.

"Pada masa sama, saya juga giat melakukan kerja sambilan lain termasuk menjadi jurusolek, pengacara majlis, serta juruhebah di stesen radio.

"Kesukaran melepasi proses temu duga mencari kerja menyebabkan semangat saya untuk mencari kerja mulai luntur. Saya memulakan semula bisnes bakeri ini secara kecil-kecilan," katanya.

Ana Najia berkata, permulaan bisnes itu tidak mudah kerana perlu mengumpul modal memandangkan peralatan dan kelengkapan membuat kek serta pastri sangat mahal.

Namun, berkat kecekalan dan kegigihan, ibu kepada seorang anak berusia setahun itu akhirnya berjaya membuka kafe dan studio bakeri dengan menumpukan pembuatan kek premium serta penghasilan pastri dan kopi.

Ana Najia berkata, inisiatif cetusan ilham Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, STeP banyak memudahkan dan membantu usahawan kecil sepertinya. Diharapkan ia dapat diperluas bagi membantu usahawan kecil berkembang dengan lebih baik.

Katanya, terlalu banyak jalan, bantuan, ruang dan peluang yang diberikan STeP, yang boleh dimanfaatkan sebaiknya usahawan baru hendak menapak dan jangan disia-siakan.



*Ana Najia bersama kek hasil tangannya di studio bakeri miliknya di Jalan Istana Larut, Taiping.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI ISTERI BUNUH WANITA KE TALI GANTUNG | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suami isteri bunuh wanita ke tali gantung

**Sibu:** Sepasang suami isteri dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, selepas didapati bersalah atas pertuduhan membunuh seorang wanita tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Christopher Chin Soo Yin ketika menjatuhkan hukuman itu berkata, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Seow Pei Chee dari Subang Jaya dan suaminya, Cheung Chia Ming dari Kuala Lumpur.

Beliau berkata, terdapat niat kedua-dua tertuduh yang masing-masing berusia 41 tahun melakukan kesalahan itu kerana mangsa tidak mampu membayar hutang kepada mereka yang juga peminjam wang.

"Anda didapati bersalah membunuh, fakta kes ini mengejutkan saya dan akan mengejutkan sesiapa sahaja dalam masyarakat sivil.

"Anda menjadikan mangsa dan anak perempuannya yang masih remaja selama bertahun-tahun hidup dalam penyeksaan, ketakutan dan penderaan fizikal.



*Pei Chee dan Chia Ming dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi, di Sibu, semalam.* (Foto Melvin Joni/BH)

"Anda hidup dengan hasil pendapatannya sebagai seorang pelacur dan apabila dia tidak cukup pendapatan, anda bertindak ganas kepadanya. Anda juga mahu melacurkan anak perempuan si mati untuk memperoleh keuntungan anda sendiri sebagai peminjam wang," katanya.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

## Kecederaan parah di kepala

Berdasarkan laporan sebelum ini, Heng Heow Lin, 38, meninggal dunia akibat kecederaan parah di kepala dan badan akibat dibunuh antara jam 10 malam pada 4 Oktober 2020 dan jam 6 pagi pada 6 Oktober 2020 di sebuah rumah di Jalan Tong Sang, di sini.

Mayat mangsa yang berasal dari Perak itu kemudian disumbat di dalam beg pakaian dan dibuang di Jalan Aman, di sini sebelum ditemui oleh orang awam kira-kira jam 6.30 pagi pada 6 Oktober 2020.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 TERMASUK LELAKI OKU KENA BICARA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

PERTUDUHAN AMANG SEKSUAL

# 2 termasuk lelaki OKU kena bicara

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

Dua lelaki termasuk orang kurang upaya (OKU) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap kenalan masing-masing, bulan ini.

Tertuduh, Fakhrul Amin Mohd Nor, 21, yang juga OKU masalah pembelajaran dan Muhammad Asri Ahmad Daud, 24, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Fakhrul Amin yang juga pekerja kilang berhadapan satu pertuduhan melakukan perbuatan itu terhadap remaja berusia 13 tahun di sebuah rumah di Batu Pahat pada jam 3 pagi, 27 Julai lalu.

Sementara itu, Muhammad Asri, seorang peniaga berhadapan dua pertuduhan amang seksual fizikal terhadap remaja berusia 14 tahun di belakang sebuah rumah di sini.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di dua lokasi berasingan antara jam 5.40 hingga 6 petang, 19 Julai lalu.

Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama dengan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Berikutan pengakuan tidak bersalah kedua-dua tertuduh, mahkamah menetapkan 5 September depan sebutan semula kes serta serahan dokumen.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM8,000 terhadap Fakhrul Amin dan Muhammad Asri sebanyak RM10,000.

Bagaimanapun, hanya Muhammad Asri membayar ikat jamin manakala Fakhrul Amin gagal berbuat demikian sebelum dia dibawa ke Penjara Sungai Udang, Melaka.

Mahkamah juga mengenakan syarat terhadap Muhammad Asri supaya melapor diri di balai polis berdekatan setiap bulan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.




FAKHRUL Amin dibawa ke Mahkamah Sesyen. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK MAUT ADA UNSUR DERA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MANGSA berusia sembilan tahun ditemukan meninggal dunia di sebuah rumah Taman Panglima, Assam Kumbang, Taiping.

# Budak maut ada unsur dera

## *Ibu kandung dalam proses bercerai, rakan lelaki ditahan untuk membantu siasatan insiden*

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

**Taiping**

Seorang kanak-kanak lelaki sembilan tahun yang ditemukan meninggal dunia di sebuah rumah Taman Panglima, Assam Kumbang di sini, kelmarin dipercayai menjadi mangsa dera.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid berkata, susulan itu ibu kanak-kanak terbabit yang berusia 36 tahun serta rakan lelakinya yang berusia 30-an ditahan bagi membantu siasatan.

Katanya, laporan dari forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati ada unsur penderaan ke atas kanak-kanak berkenaan.

"Siasatan awal polis percaya kes penderaan itu berlaku sejak Mac lalu. Ibu kanak-kanak itu mengalami masalah rumah tangga dan dalam proses perceraian," katanya, semalam.

**Ibu mangsa alami masalah rumah tangga dan dalam proses perceraian**

Menurut Razlam, kedua-dua suspek direman semalam bagi membantu siasatan lanjut yang sedang dilakukan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Terdahulu media melaporkan polis menerima maklumat mengenai kematian kanak-kanak itu pada jam 11 pagi kelmarin.

Mangsa adalah anak kedua daripada lima beradik.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMPAT BERANAK BERJANGKIT KENA BATUK KOKOL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Empat beranak berjangkit kena batuk kokol

*Pengesanan kes secara aktif dijalankan PKD Alor Gajah dalam kalangan kontak rapat*

**Melaka**

Jabatan Kesihatan Melaka mengesan satu wabak 'pertussis' atau batuk kokol membabitkan empat sekeluarga yang tinggal di sebuah rumah di Alor Gajah, 27 Julai lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem berkata, kes pertama wabak itu membabitkan bayi berumur 40 hari yang masih belum layak menerima imunisasi DTAP-IPV-Hep B-Hib.

Beliau berkata, wabak itu kemudian menular dalam kalangan ahli keluarga lain yang tinggal dalam rumah itu membabitkan bapa bayi berusia 29 tahun, kakak (sembilan tahun) dan bapa saudara (32 tahun).

"Empat individu yang dijangkiti batuk kokol itu tinggal bersama 12 lagi ahli keluarga yang lain dan kesemua mereka sudah diberikan rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Sebagai tindak balas pada wabak pertussis ini, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah menjalankan aktiviti pengesanan kes secara aktif dalam kalangan kontak rapat yang dikenal pasti iaitu kontak rapat keluarga, rakan sekolah dan sekitar kawasan kediaman kes," katanya pada kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kesemua kontak rapat yang bergejala diberikan rawatan 'prophlaxis' dan pengambilan sampel akan dilakukan, manakala kanak-kanak tercicir imunisasi yang ditemui semasa aktiviti pengesanan kes tersebut akan diberikan imunisasi pertussis.

Katanya, pendidikan kesihatan menerusi ceramah, edaran risalah dan poster juga dilaksanakan sepanjang aktiviti pengesanan kontak rapat.

Dalam pada itu, Ngwe berkata, 10 kes batuk kokol membabitkan tiga wabak dalam kalangan ahli keluarga dilaporkan di Melaka dalam tempoh 1 Januari hingga 30 Julai tahun ini, berbanding sifar kes atau wabak dilaporkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, empat kes atau 40 peratus membabitkan bayi berumur bawah 12 bulan dan mereka adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi.

Pertussis atau batuk kokol adalah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria 'bordetella pertussis' yang menjangkiti mulut, hidung dan tekak dan tersebar melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk.

Bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat imunisasi lengkap adalah golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti, namun ia juga boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia terutama golongan rentan dan rendah imuniti.

Gejala lazim pertussis adalah batuk berpanjangan dalam tempoh satu hingga dua minggu dan ia boleh berlarutan sehingga dua bulan. - Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JMB TIADA KUASA MUTLAK | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

# JMB tiada kuasa mutlak

## *Pengurusan lif di Projek Perumahan Rakyat Seri Semarak masih lagi di bawah pihak DBKL*

**Kuala Lumpur**

Perunding Badan Pengurusan Bersama (JMB) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak sedang mengaturkan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan bagi menangani isu lif rosak yang 'menghantui' penduduk di situ.

Pengerusi JMB, Ahmad Faizul Muhamad Hasbi berkata, perbincangan akan membabitkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), syarikat lantikan DBKL bagi membekal dan memasang lif di PPR Seri Semarak iaitu Dong Yang Elevator (M) Sdn Bhd (Dong Yang) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa mutlak kecuali membantu sahaja sekiranya ada aduan kerosakan.

Katanya, JMB sudah mengambil alih 100 peratus pengurusan aset dari DBKL secara rasmi pada 1 Januari lalu namun pengurusan lif belum lagi diserahkan secara rasmi kepada JMB dan ia masih di bawah DBKL.

"Keseluruhan pengurusan sudah diserahkan oleh DBKL kepada JMB, tetapi tidak membabitkan sistem lif dan kontrak lama masih di bawah DBKL dengan Dong Yang.

"Namun, perunding JMB akan mengaturkan perbincangan dengan wakil pihak terbabit bagi mencari jalan dan meluahkan ketidakpuasan dengan prestasi sistem lif Dong Yang ini," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan keluhan penduduk di lima blok bangunan di PPR Seri Semarak di sini, yang berdepan masalah lif rosak walaupun masih baharu.

Masalah lif menyulitkan aktiviti harian penduduk terutama bagi pelajar, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Beliau berkata, JMB sudah banyak kali bersemuka dan memanjangkan isu ini kepada DBKL dan Dong Yang, tetapi kerosakan yang sama tetap berlaku, malah pihak terbabit sedia maklum mengenai masalah itu.

"Punca mengapa lif sering rosak, DBKL dan Dong Yang sepatutnya ada jawapan. JMB selalu tekankan kepada penduduk agar sentiasa menjaga dan bertanggung jawab apabila menggunakan lif baharu.

"Namun, berdasarkan pemerhatian kami lif baharu ini nampaknya tidak tahan lasak," katanya.


'Tekan tingkat tiga, sampai ke aras 17'
*Penduduk PPR Seri Semarak kecewa lif baharu dipasang rosak*

LAPORAN Harian Metro, semalam.

Ahmad Faizul berkata, JMB sangat berharap serahan rasmi pengurusan lif hanya dilakukan selepas segala permasalahan tidak masuk akal termasuk isu lif kerap rosak diselesaikan 100 peratus.

"Kami khuatiri apabila semua diserahkan kepada JMB nanti, pihak kami terpaksa berdepan dengan kos penyelenggaraan tinggi.

"Kami sangat mengharap pihak berkuasa segera datang menyiasat masalah ini," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KENA JEL GAGAL BAYAR IKAT JAMIN RM25K | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kena jel gagal bayar ikat jamin RM25k

**Muar:** Seorang pekerja restoran makanan segera terpaksa meringkuk dipenjara selepas gagal membayar wang jaminan berjumlah RM25,000 yang ditetapkan Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tujuh pertuduhan merogol, meliwat dan amang seksual ke atas kenalan bawah umur dalam sebuah kebun sawit di Bakri sejak Mac lalu.

Zulhazreen Shah Zulkufli, 22, terdahulu membuat pengakuan tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, ketiga dan kelima, dia didakwa melakukan amang seksual terhadap kenalannya berusia 15 tahun di kebun sawit pada Mac, Mei dan Jun lalu, jam 1 pagi.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, hukuman penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.

Bagi pertuduhan kedua, keempat dan keenam, Zulhazreen didakwa merogol mangsa dengan semua kejadian serta masa berlaku di tempat sama.

Justeru, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Pertuduhan ketujuh pula, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan kerana meliwat mangsa pada bulan lalu. Dia boleh dikenakan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, kertas siasatan yang dimajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya berjaya memperoleh arahan sebanyak tujuh pertuduhan terhadap suspek.

Mengikut fakta kes, tertuduh dari Negeri Sembilan menunggang motosikal ke rumah mangsa dekat Bakri dipercayai untuk melakukan perbuatan itu.

Kejadian terbongkar selepas abang mangsa melihat adiknya sentiasa berkurung dalam bilik sebelum bertanyakan perkara sebenar.

Susulan itu, satu laporan polis dibuat keluarga mangsa mengenai kejadian ini minggu lalu. Mahkamah membenarkan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan namun dia gagal membayarnya dan hantar ke Penjara Sungai Udang, Melaka.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam. ***Mahkamah menetapkan 26 September depan tarikh sebutan semula kes serta serahan dokumen.***

TAJUK : RM5K KOS TAK SENONOH

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 01 OGOS 2023

M/SURAT : 23

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## CABUL ANAK SAUDARA

# RM5k kos tak senonoh

Bernama

**Petaling Jaya**

Gara-gara mencabul kehormatan anak saudara perempuannya dengan mencium pipi dan menunjukkan kemaluannya ketika wanita itu berada di dapur untuk memotong bawang, seorang buruh menerima padah apabila didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Shahril Anuar Ahmad Mustapha menjatuhkan hukuman ke atas lelaki berusia 49 tahun itu yang mengaku bersalah mencabul kehormatan mangsa berusia 24 tahun di sebuah rumah di Taman Medan, di sini, pada 8.30 malam, 15 Julai lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Sekyen 354 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada seksaan itu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara empat bulan sekiranya dia gagal membayar denda.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Sofea Jaysal memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal dan sewajarnya terhadap tertuduh, mengambil kira kekerapan kes yang berlaku, namun lelaki itu yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA BUAT LAPORAN PALSU IC DIRAGUT DICEKUP | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita buat laporan palsu IC diragut dicekup

**Kuala Lumpur:** Gara-gara mahu mengelak daripada didenda untuk permohonan kad pengenalan MyKad baharu selepas ia tercicir, seorang wanita sanggup membuat laporan polis kononnya dia disamun.

Bagaimanapun, tindakan wanita berusia 24 tahun itu mengundang padah apabila helahnya dihidu selepas siasatan dibuat ke atasnya.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, suspek yang bekerja sendiri itu ditahan di Balai Polis Ampang di sini, jam 8.50 malam, Jumaat lalu, hari sama laporan palsu berkenaan dibuat.

"Pengadu (suspek) berkenaan mendakwa didatangi suspek yang menaiki motosikal lalu meragut beg beliau ketika membonceng motosikal bersama teman lelakinya, pada jam 5 petang," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Azam berkata, semakan mendapati suspek tidak mempunyai sebarang rekod jenayah dan ujian saringan air kencing adalah negatif dadah.

Menurutnya, suspek ditahan reman empat hari sehingga esok dan kes disiasat mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara sehingga enam bulan atau didenda RM2,000 atau kedua-duanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ADDRESSING CHILDHOOD STUNING | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Heal

By Meera Murugesan

# Addressing childhood stunting



*Growth faltering can occur at any time during childhood and adolescence.*
PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK

WHILE the majority of Malaysian children and adolescents are growing normally, childhood stunting remains a concern for some.

Based on the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022, 21.2 per cent or one in five children are stunted.

NHMS2022 also notes that 6.8 per cent of our adolescents are stunted.

Stunted children tend to fall sick more often, miss opportunities to learn, perform less well in school, and have lower self-esteem.

They are also at risk of becoming stunted in adulthood — a condition that is associated with an increased risk of chronic diseases, decreased economic productivity, and lower lifetime-earning potential.

Growth faltering can occur at any time during childhood and adolescence.

Over time, these children may never be able to recover their height and end up becoming permanently stunted adults.

Good eating practices, optimal nutrition and regular growth monitoring are three ways in which stunting can be curbed. It's also important for the problem to be detected early and addressed.

If a child is found to be stunted or at risk of stunting, the next step would be to find out the underlying cause.



*Eating well-balanced meals is important because diet plays a role in stunting.*
PICTURE CREDIT: TIRACHARDZ — FREEPIK



*Professor Dr Lee Way Seah says correcting feeding difficulties at a young age is important because it may have a long lasting impact on growth and development.*

## FOOD FOR THOUGHT

Common causes include not having enough nutrition, having enough food but not balanced nutrition, underlying medical conditions or a combination of these factors, says IMFeD For Growth Programme chairman Professor Dr Lee Way Seah.

"Many children have feeding difficulties, ranging from picky eating to other more severe conditions. Correcting feeding difficulties at a young age is important because it may have a long-lasting impact on a child's development or growth," says Dr Lee.

Some children may be eating well but not eating the right food. For example, their diet may be overly focused on carbohydrates, but lacking in vitamins and minerals essential for growth.

We need to nip stunting in the bud, adds Dr Lee. When children do not receive adequate nutrition, their growth rate slows down.

Malaysian Paediatric Association president Dr Selva Kumar Sivapunniam says it's always best to have a trained professional assess the growth of a child.

"Growth and nutrition issues are often very subtle and easy for a layperson to miss," he says.

## SHORTER THAN NORMAL

Consultant paediatrician and paediatric cardiologist Dr Yong Junina Fadzil agrees with Dr Selva.

However, when doctors inform parents that their child is small for his or her age, parents blame it on the child's genes, she says.

They insist the child is short because he follows people in the family who are also short.

Dr Yong says in truth, only about 20 per cent of children, who are short, can lay the blame on genes. It has a lot more to do with diet.

The Covid-19 pandemic also significantly affected Malaysian eating habits.

Dr Yong says during lockdowns, with lost jobs and pay cuts, many families found their incomes had shrunk.

They couldn't afford certain foods anymore or couldn't afford to buy them in the amounts they used to, and children were heavily impacted by this shift.

People started feeling down as well and this too affected eating habits.

The fact that many Malaysian children skip breakfast is not a good thing either, points out clinical dietitian Rozanna M Rosly.



*Dr Selva Kumar Sivapunniam says growth and nutrition issues are often very subtle and easy for a layperson to miss.*

Due to starting the morning in a rush or having to wake up too early to go to school, children are less inclined to have a proper breakfast and this deprives them of important nutrients from the first and crucial meal of the day, she says.

"For children, we always advise to take small meals throughout the day which are nutrient-dense, not calorie-rich. These meals must be well-balanced too," says Rozanna.

Parents shouldn't overfeed in one meal because the child skipped the previous meal, she explains.

Clinical psychologist Professor Dr Firdaus Mukhtar says the impact of stunting is not just physical but psychological too.

These children will face mental health problems like depression and anxiety because they are different from their peers.

Their self-esteem will be affected as they compare themselves with taller children in their peer group.

"They may feel inferior, less capable and less confident, especially during school activities or social interaction," says Firdaus.

This will ultimately affect their academic performance too.

meera@nst.com.my

### KEEPING WATCH

GROWTH Watch Month 2023 has been launched to bring together healthcare professionals and parents to prevent stunting in children and adolescents.

A major highlight of Growth Watch Month 2023 will be the IMFeD For Growth Annual Screening Campaign for children happening from August to November 2023 at all IMFeD clinics listed on https://clinics.imfed.my/.

During the 2018-2020 screening campaigns, among children aged 1 to 5, 16.1 to 17.6 per cent were found to be stunted and 8.9 to 10.8 per cent were underweight. Those at risk of stunting stood at around 20 per cent, and risk of being underweight was 19 to 23 per cent. IMFeD has screened 127,000 children since 2018.




*Growth Watch Month 2023 has been launched to bring together healthcare professionals and parents to prevent stunting in children and adolescents.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GOVT RETIRE, WIFE LOSE OVER RM542,000 IN CRYPTO SCAM | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SINGAPORE-BASED FB AD

# Govt retiree, wife lose over RM542,000 in crypto scam

**TELUK INTAN:** A retired civil servant and his wife, who were hoping to strike it rich in cryptocurrency trading, ended up losing RM542,171.20 of their savings instead.

Perak police chief Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri said the Hilir Perak district police headquarters received a report from the 70-year-old man at 4.34pm on Sunday.

He said on Jan 8, the man, who hails from Hutan Melintang here, came across a Singapore-based advertisement on Facebook offering a cryptocurrency stock purchase service in the United States.

"The retiree contacted the owner of the share purchase ad through WhatsApp.

"The suspect asked for his details such as identification card and bank account numbers to purportedly document the cryptocurrency investment.

"On Jan 9, the retiree started investing in cryptocurrency shares by buying two units of shares worth RM500. He deposited the money into a local bank account.

"The retiree was told by the suspect that he would get a profit of RM4,500 within one day, that is on the same day. The suspect also told the retiree that if he did not withdraw the money, the profit would increase over time."

Yusri said on Jan 10, the retiree contacted the suspect to inquire about the investment capital and was told that he had made a profit of RM18,500.

"However, the retiree was asked to make various payments to the suspect to get the entire payout of his investment. Between January and July this year, the retiree made a total of 133 online transactions into 39 local bank accounts involving RM542,171.20."

He added that during that period, the retiree did not receive any payment from his investment and that the couple had invested all their savings and retirement money in the scheme.

"After the retiree ran out of money, the suspect still urged him to continue investing.

"When the retiree asked the suspect to return the money, he was given various reasons and the suspect no longer responded to his queries. Realising he had been deceived, the retiree decided to lodge a report."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BODY IN SUITCASE: HUSBAND, WIFE SENTENCED TO DEATH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 01 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Body in suitcase: Husband, wife sentenced to death

Jane Moh

